# JPAM kerah 11,000 anggota bantu mangsa banjir




**JASIN** – Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) mengerahkan 11,000 anggota termasuk sukarelawan supaya bersiap sedia bagi menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir di seluruh negara.

Ketua Pengarah JPAM, Datuk Sulaiman Keling berkata, daripada jumlah tersebut, kira-kira 5,000 anggota telah membantu mangsa banjir di empat negeri iaitu Melaka, Perak, Selangor dan Johor.

"Setakat ini gerakan membantu mangsa-mangsa banjir dapat dilaksanakan dengan sempurna hasil bantuan daripada pelbagai agensi.

"Sebagaimana agensi-agensi lain, JPAM juga telah bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan kerana kebiasaannya antara Oktober hingga Mac tahun depan merupakan waktu berlaku tengkujuh yang boleh berlaku banjir," katanya ketika mengadakan lawatan ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan Tehel, Bemban di sini semalam.



KETUA MENTERI Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam (kiri) melawat beberapa rumah yang dinaiki air di Bukit Katil malam kelmarin.